

Kursus baharu di UA kuasai Revolusi Industri 4.0

PENDIDIKAN

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi meminta universiti awam (UA) menyediakan kursus baharu untuk mencipta pasaran kerja, kesan daripada Revolusi Industri 4.0.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata universiti mesti bekerjasama dengan penggiat industri untuk menyediakan peluang kerja baharu mengikut kehendak pasaran dan mendedahkan pelajar kepada ekonomi digital untuk mengelakkan pengangguran.

Beliau berkata, contoh mudah perubahan teknologi ialah pembinaan jambatan yang mengaktifkan pendayung sampan marah kerana hilang pekerjaan, tetapi pekerjaan baharu sebagai pengayuh beca diwujudkan.

Katanya, perubahan teknologi menyebabkan pekerjaan diganti oleh baka diwujudkan.

"Sebab itu di Malaysia, kita cipta program 2021 (dua tahun universiti) untuk memastikan kursus baharu dan mereka perlu tahu apa jenis pekerjaan baharu pada masa akan datang."

"Ini cabaran kepada UTM (Universiti Teknologi MARA) dan UA lain menggunakan kursus baharu dan mereka perlu tahu apa jenis pekerjaan baharu pada masa akan datang."

"Ini cabaran kepada UTM (Universiti Teknologi MARA) dan UA lain menggunakan kursus baharu dan mereka perlu tahu apa jenis pekerjaan baharu pada masa akan datang."



Idris Jusoh

Dedah pekerjaan baharu

"Kita tak boleh halang teknologi. Dalam kes ini, jurutera, arkitek dan juruteknik, mereka perlu ada robot dan kita dibantu robot. Tetapi kita tidak takut kepada robot."

"UA perlu mengajar dan mendedahkan mereka (pelajar) kepada pekerjaan baharu. Jangan guna yang lamalah."

versi dua tahun industri) yang menawarkan program belajar sambil bekerja dan kita menjemput 72 ketua pegawai eksekutif untuk mengajar serta melihat kurikulum universiti," katanya.

Kampus tanpa tunai

Beliau bercakap pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Kampus Tanpa Tunai@UTM, di UTM Sungai Buloh, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UTM, Tan Sri Ir Dr Ahmad Zaidée Laidin; Naib Canselor UTM, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Axiata (Axiata), Tan Sri Jamaludin Ibrahim.

Pelancaran kampus tanpa tunai terbesar menggunakan pembayar digital dompet elektronik itu akan dilaksanakan pada 2018.

"Setiap tahun, saya hilang hampir 100 pekerja kerana perubahan teknologi, tetapi percayalah, pekerjaan baharu akan muncul menggantikan pekerjaan lama yang hilang."

"Kerjasama kukuh antara industri dan pakar akademik akan membina lebih banyak peluang pekerjaan," katanya.

Sementara itu, Jamaludin berkata, pekerjaan baharu diwujudkan kan setiap hari mengikut rutin harian pengguna.